

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ASDI KEPADA PELAJAR-PELAJAR MISKIN ANAK-ANAK ANGKAT LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM (LKPI)
Lokasi : KUALA TERENGGANU
Tarikh : 08-02-1995

1. Terlebih dahulu, marilah kita ucapkan setinggi-tinggi puji dan kesyukuran kepada Allah S.W.T. yang telah mengizinkan kita berhimpun pada petang ini di dalam suasana bulan Ramadhan yang penuh berkat. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur khususnya kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Toh Puan Seri Hajjah Aishatun Fadlullah Suhaimi kerana sudi menjemput saya memberi sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan majlis kita pada hari ini.

2. Majlis ini adalah satu upacara yang amat bermakna lebih-lebih lagi di dalam keadaan masyarakat di seluruh dunia, khususnya di Barat, yang seakan-akan lupa lagi meremehkan aspek nilai-nilai akhlak dan moral di dalam masyarakat. Nilai-nilai ini termasuklah ciri-ciri menjaga kebersihan, kejujuran, amanah, menepati masa, menghormati orang tua dan membantu mereka yang kurang bernasib baik. Bagi kita di Malaysia alhamdulillah, nilai-nilai ini masih lagi diamalkan dan menjadi pegangan teguh dalam masyarakat. Kerajaan dan pihak swasta pula telah bersama-sama berganding bahu menunaikan tanggungjawab sosial ke arah mewujudkan masyarakat penyayang di negara ini.

3. Dalam konteks ini sukacita saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada SERIKANDI yang telah mengambil inisiatif menganjurkan majlis penyampaian bantuan unit-unit saham Amanah Saham Darul Iman (ASDI) kepada pelajar-pelajar miskin anak-anak angkat Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LPKI) pada hari ini. Usaha-usaha kebajikan seumpama ini patut dicontohi oleh badan-badan lain bukan hanya kerana ianya sesuatu yang dituntut dan baik daripada perspektif agama Islam, malah dapat pula membantu Kerajaan di dalam agenda besar membasmi kemiskinan. Tambahan pula bantuan ini disampaikan dalam bentuk unit-unit saham ASDI maka pengertiannya tentulah lebih besar kepada para pelajar yang bakal menerimanya untuk dijadikan pelaburan dan bagi keperluan di masa hadapan.

4. Saya difahamkan 92 orang pelajar terbabit di dalam majlis penyampaian bantuan ASDI ini di mana setiap seorang akan diberi 100 unit saham ASDI.

Mereka yang terbabit pula merupakan peserta program anak angkat LPKI yang mendapat sumbangan bulanan sebanyak RM30.00. Seperti kata pepatah, "Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi, kita merasa".

Kepada para pelajar yang terlibat majlis ini, saya suka menasihatkan mereka supaya menjadikan penerimaan saham-saham ini sebagai pendorong ke arah pencapaian kejayaan yang lebih cemerlang di dalam pelajaran mereka. Sebenarnya, tidak ada perkara lain yang mampu menggembirakan hati kita yang dewasa selain daripada melihat kejayaan anak-anak ini di dalam pelajaran dan hidup mereka. Kejayaan para pelajar adalah juga kejayaan kita bersama.

5. Semoga usaha murni ini akan berterusan dan diredai Allah S.W.T. sentiasa.